

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, August 22, 2019 9:56 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MPQ-UA Platform Bincang Isu Kualiti Universiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 OGOS 2019 / 21 ZULHIJAH 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Institut Pengurusan Kualiti (IPQ)

MPQ-UA PLATFORM BINCANG ISU KUALITI UNIVERSITI



UUM ONLINE: Bagi membincangkan pelbagai isu kualiti pengurusan universiti, seramai 26 Pengarah Kualiti dari IPTA seluruh negara telah menyertai Mesyuarat Majlis Pengurusan Kualiti Universiti Awam (MPQ-UA) di EDC Hotels & Resorts, baru-baru ini.

Penolong Naib Canselor, Prof. Dr. Huda Ibrahim berkata, Mesyuarat MPQ-UA kali ketiga itu adalah platform terbaik kepada semua Pengarah-Pengarah Kualiti UA untuk menjalin kerjasama, berbincang dan berkongsi amalan baik berkaitan pengurusan kualiti di universiti masing-masing.

Menurutnya, beliau berharap mesyuarat MPQ-UA ini dapat mencari solusi kepada pelbagai isu kualiti yang dihadapi oleh universiti awam terutama dalam meningkatkan kualiti akademik, audit, penandaarasan, anugerah dan isu-isu strategik pengurusan kualiti.

"Selain itu, dapat menjadi pentas perkongsian amalan kualiti antara UA agar skop kualiti dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa serta gabungan suara UA dalam hal-hal berkaitan dengan kualiti untuk dibawa kepada badan-badan kualiti seperti MQA, SIRIM, MAMPU dan Jabatan PengajianTinggi (JPT).

“Menerusi mesyuarat ini juga dapat meluaskan jaringan rangkaian hubungan sesama UA dan menjadi perantara yang sangat baik untuk bertukar-tukar pendapat dan idea dalam menambah baik perkhidmatan kualiti di semua universiti,” katanya.

Pada mesyuarat tersebut, semua wakil UA telah membentangkan aktiviti kualiti serta membincangkan isu-isu kualiti universiti masing-masing termasuk kualiti akademik antaranya adalah penambahbaikan kualiti akademik, audit, penandaarasan, anugerah dan isu-isu strategik pengurusan kualiti melibatkan semua UA.

Majlis MPQ-UA ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Kualiti Akademik (PKA), Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Dr. Ahmad Mohamad.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.